

10 DEC 2001

Akhbar-Perhimpunan

PERHIMPUNAN SEASIA DI SINI TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Bagaimana Asia bertindak balas kepada perubahan global sebelum dan selepas serangan 11 Sept terhadap Amerika Syarikat dan peranan penting wanita di Asia adalah antara perkara utama yang akan dibincangkan pada Perhimpunan SeAsia yang dianjurkan Malaysia tahun depan.

Untuk meluaskan skop pemukiman tentang Asia, Yayasan Akhbar Asia menerusi cawangan Malaysia akan mengadakan satu mesyuarat peringkat tertinggi yang bakal dihadiri tokoh daripada pelbagai bidang untuk membincangkan tentang masa depan Asia.

Ketua eksekutif jawatankuasa penganjur acara itu, Datuk Abdul Kadir Jasin, berkata tema perhimpunan itu "Masyarakat, Pentadbiran dan Kenyataan Baru" adalah relevan kerana Asia bukan sahaja satu kuasa politik malah merupakan kuasa ekonomi.

Bercakap kepada pemberita pada sidang media mengenai perhimpunan itu di sini, beliau berkata pemimpin terkenal antarabangsa dan pemimpin wanita Asia akan dijemput memperkatakan tentang beberapa isu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan perhimpunan itu dari 12 hingga 14 Ogos, yang kelima dianjurkan oleh yayasan itu di Manila sejak 1970.

Abdul Kadir berkata pihak penganjur berharap pemimpin-pemimpin wanita Asia seperti Aung San Su Ky dari Myanmar, Presiden Filipina Gloria Arroyo, Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri, Presiden Sri Lanka Chandrika Kumaratunga dan bekas perdana Menteri Pakistan Benazir Bhutto akan menghadiri perhimpunan itu.

"Kami sedang cuba menghubungi mereka menerusi kedutaan dan pesuruhjaya tinggi bagi mendapatkan pemimpin berkenaan dan jika tidak, satu siaran satelit yang menampilkan mereka semasa perhimpunan itu akan diadakan," katanya.

Beliau berkata pada masa lepas, adalah menjadi satu tradisi bagi ketua negara tuan rumah serta setiausaha agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk merasmikan perhimpunan itu dan Malaysia berharap setiausaha agung PBB Kofi Annan dapat berbuat demikian.

Abdul Kadir berkata topik lain yang akan dibincangkan pada perhimpunan itu ialah peranan media di Asia, keganasan dan ekstrimisme.

Sementara itu, pengerusi bersama jawatankuasa penganjur Tan Sri Razali Ismail berkata perhimpunan itu adalah satu acara penting bagi Malaysia kerana realiti baru akan dibincangkan dalam konteks globalisasi.

Razali, wakil khas PBB ke Myanmar, berkata tema itu merangkumi semua bidang termasuk politik dan pentadbiran yang tidak konsisten di Asia.

Pengerusi yayasan itu, Datuk Mazlan Nordin, berkata Malaysia berhadapan dengan tugas berat dalam menganjurkan acara itu dan yakin ia akan mencapai kejayaan.

Kira-kira 500 peserta dijangka menghadiri perhimpunan itu.

Selain daripada perhimpunan pertama di Manila, perhimpunan itu diadakan di Bali (1971), New Delhi (1973) dan akhir sekali di Manila pada 1990.

-- BERNAMA

DC MAM NAK